

## Taman Tema yang Kurang Terkenal Tetapi Tidak Kurang Menariknya Di Jepun

KUALA LUMPUR, 21 Mei 2024 - Jepun menawarkan pelbagai tarikan bertema yang pasti akan menggembirakan pelancong dari seluruh dunia. Walaupun tempat seperti Universal Studios Japan, Tokyo Disneyland dan Ghibli Park adalah kegemaran abadi di kalangan rakyat Malaysia yang menuju ke Jepun, JNTO Kuala Lumpur Office (JNTO KL) mencadangkan beberapa destinasi bertema yang belum “viral” lagi untuk pelancong mencipta kenangan yang tidak dapat dilupakan di Jepun.

### 1) Berhibur di Taman Tema Retro Di Kawasan Kansai



**Hirakata Park** adalah sebuah taman tema yang terletak di Bandar Hirakata, [Wilayah Osaka](#), 30 minit dengan kereta api dari pusat bandar Osaka. Ia menawarkan pelbagai tarikan yang sesuai untuk pengunjung dari semua peringkat umur, termasuk roller coaster, permainan air, permainan karnival, dan kawasan bertema retro. Taman tema ini terkenal dengan suasana mesra keluarga dan persekitaran yang indah, menjadikannya destinasi popular untuk penduduk tempatan dan pelancong yang mencari hiburan dan pengalaman yang penuh keseronokan. Fakta menarik: Hirakata Park ditubuhkan pada tahun 1910, menjadikannya salah satu taman hiburan yang tertua di Jepun!

## 2) Nikmati Suasana Kampung yang Bertemakan Zaman Edo



Toyosu Senkyaku Banrai adalah sebuah “kampung” bertema Edo yang terletak di kawasan [Toyosu, Tokyo](#). Baru dibuka pada Februari 2024, ia diilhamkan oleh estetika dari zaman Edo (1603-1868). Toyosu Senkyaku Banrai terdiri daripada Pasar Toyosu Edo-mae di mana pengunjung boleh menikmati pelbagai pengalaman makan dan membeli-belah, dan Toyosu Manyo Club, sebuah pusat spa dan kesihatan 24 jam yang merangkumi 10 tingkat dan dua taman pemerhatian di atas bumbung. Untuk itinerari sehari yang penuh hiburan di kawasan Toyosu, anda boleh melawati Pasar Tsukiji yang terkenal dan teamLab Planets yang berdekatan di samping menjamu selera di sini.

## 3) Pengalaman Memacu Adrenalin di Litar Suzuka



[Litar Suzuka](#) ialah litar perlumbaan permotoran yang terletak di Bandar Suzuka, [Wilayah Mie](#), yang terkenal dengan penganjuran Formula One Japanese Grand Prix. Litar Suzuka juga terkenal dengan taman temanya yang mendebarkan yang menawarkan gabungan tunggangan yang memacu adrenalin, tarikan mesra keluarga, dan pengalaman bertema sukan permotoran yang sesuai untuk semua peringkat umur. Pengunjung boleh menguji kemahiran mereka di litar perlumbaan simulasi, merasai keseronokan tunggangan berkelajuan tinggi, dan bahkan memandu go-kart untuk perlumbaan yang mendebarkan di sekitar litar. Bagi mereka yang mengembara di kawasan Osaka, Kyoto dan Nagoya, Litar Suzuka di Mie, boleh dilawati sebagai destinasi perjalanan sehari dari bandar-bandar tersebut.

## 4) Penerokaan di Pulau Awaji untuk Peminat-peminat Hello Kitty



Hello Kitty Smile dan Hello Kitty Show Box, yang terletak di [Pulau Awaji](#), Wilayah Hyogo, adalah taman tema yang didedikasikan untuk watak Sanrio kesayangan ramai, Hello Kitty. Tarikan yang penuh fantasi ini menawarkan pengalaman yang menyeronokkan kepada pengunjung dengan pelbagai pertunjukan, dan pameran interaktif. Pelawat boleh mengalami dunia Hello Kitty, bertemu dengan maskot watak dan menerokai taman tarikan berwarna-warni tersebut, menjadikannya destinasi wajib untuk peminat dari semua peringkat umur. Dua bangunan di sini telah diiktiraf oleh Guinness World Records™: Hello Kitty Show Box sebagai "Bumbung terbesar dalam bentuk watak berjenama" dan Hello Kitty Apple House memegang gelaran "Bangunan terbesar dalam bentuk epal".

## 5) Melangkah Kembali ke Zaman Edo



Noboribetsu Date Jidai Village adalah sebuah taman tema bersejarah yang menghidupkan semula sebuah bandar samurai zaman Edo yang terletak di [Hokkaido](#). Pengunjung boleh merasai atmosfera zaman Edo dan menerokai kediaman samurai, rumah ninja, dan pelbagai bangunan bertema. Di kawasan taman tema ini, pengunjung boleh merendam kaki di mata air panas, membeli-belah di kedai cenderamata dan menikmati juadah tempatan yang lazat. Noboribetsu Date Jidai Village menggabungkan sejarah, "healing" dan hiburan sebagai

destinasi sehari bagi mereka yang melawat Hokkaido dan hanya berjarak satu jam memandu dari Lapangan Terbang Antarabangsa Chitose atau sejam setengan dari kota Sapporo.

### **Mengenai JNTO Kuala Lumpur Office**

JNTO ialah organisasi “non-profit” kerajaan Jepun, dan pejabat JNTO Kuala Lumpur terlibat dalam pelbagai aktiviti di Malaysia untuk mempromosi dan menggalakkan pengunjung dari Malaysia untuk mengutamakan Jepun sebagai destinasi dalam rancangan pelancongan mereka. Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.japan.travel/en/my/>

**Untuk pertanyaan media:** [info\\_kul@jnto.go.jp](mailto:info_kul@jnto.go.jp) | [my-all@vectorinc.jp](mailto:my-all@vectorinc.jp)